

13/06/2003

Masalah banjir di KL tidak berkesudahan

Rafidah Mat Ruzki

SETIAP kali hujan lebat di Kuala Lumpur, ada warga kota bergegas turun dari pejabat memindahkan kereta kerana bimbang ditenggelami banjir. Bagi sesetengah yang lain meminta kebenaran majikan untuk pulang ke rumah menyelamatkan harta benda serta bimbangkan keselamatan keluarga di rumah.

Jika dulu kebimbangan mereka hanya pada musim hujan kerana banjir kilat biasanya berlaku ketika itu, kini setiap kali melihat cuaca mendung sekitar Lembah Klang, mereka tidak senang duduk sama ada ketika di rumah atau di pejabat.

Kebimbangan warga kota, terutama di kawasan mudah dilanda banjir berulang Selasa lalu. Walaupun bukan musimnya, hujan selama kira-kira tiga

jam mulai jam empat petang menyebabkan banjir besar.

Selain menenggelamkan kediaman, kedai dan kenderaan, banjir menyebabkan

kesesakan jalan raya sehingga ada yang terpaksa berada dalam kereta lebih

tiga jam untuk sampai ke rumah yang jaraknya tidak sampai 20 kilometer.

Antara kawasan yang teruk dinaiki air ialah di sekitar Dataran Merdeka,

Jalan Ipoh, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Tun Perak dan Jalan Pekeliling.

Dalam kejadian itu, beratus-ratus kenderaan, termasuk di tempat letak kereta di Plaza Putra di bawah Dataran Merdeka, terperangkap selepas plaza

berkenaan yang juga menempatkan premis perniagaan, ditenggelami air sedalam 2.74 meter.

Perpustakaan Peringatan Kuala Lumpur berhampiran Dataran Merdeka juga dinaiki air menyebabkan lebih 30,000 buku rosak. Muzium Sejarah Nasional turut mengalami kerosakan kecil.

Seorang lelaki berumur 60 tahun pula dilaporkan lemas selepas terperangkap dalam rumahnya di Taman Desa, Jalan Klang Lama manakala seorang lagi lelaki berumur 50 tahun lemas selepas tergelincir dan terjatuh ke dalam lubang dipenuhi air, juga di Jalan Klang Lama. Seramai 612 penduduk Kampung Chendana dipindahkan ke Rumah Contoh Renaissance, Jalan Ampang.

Sebenarnya, banjir kilat di ibu kota boleh berlaku pada bila-bila walaupun jika hujan lebat selama setengah jam. Punca sebenar banjir adalah

pelbagai, termasuk sistem perparitan tidak sempurna, sampah sarap dalam longkang serta air melimpah daripada longkang serta parit kerana tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

Antara kawasan yang sering dilanda banjir ialah Kampung Baru, Jalan Raja

Laut, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kampung Boyan, Jalan Raja Alang, Jalan Tun Razak, Kampung Periuk, Jalan Raja Bot, Kampung Siam, Jalan Ampang, Jalan Sentul, Jalan Gurney, Keramat AU5, Jalan Semarak, Lebu Ampang dan

Lebuh Pasar.

Kekerapan banjir kilat yang berlaku sebenarnya mendatangkan kerugian yang bukan sedikit. Bukan saja harta persendirian menjadi mangsa, bangunan komersial turut terbabit.

Pada 29 Oktober 2001, banjir kilat menenggelamkan kebanyakan kawasan di bandaraya selepas hujan lebat kurang daripada dua jam. Banjir kilat pada 26 April 2001 pula menyaksikan dua korban, selain dua cedera akibat terkena kejutan elektrik.

Banjir yang dianggap paling buruk selepas banjir besar tahun 1971 itu juga menyebabkan beberapa bangunan dinaiki air dengan sesetengah kawasan dinaiki air setinggi tiga meter.

Persoalan sama ada banjir Rabu lalu lebih besar daripada banjir sebelumnya tidak sepatutnya menjadi tajuk perbincangan, sebaliknya yang menjadi tanda tanya ialah kenapa banjir besar masih berlaku walaupun pelbagai projek tebatan banjir dilaksanakan kerajaan.

Kerajaan pusat sudah memperuntukkan sehingga RM614 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) untuk kerja tebatan banjir di sekitar Lembah Klang pada 2001.

Belanjawan sebesar itu dikatakan untuk membiayai program tebatan banjir yang membabitkan Sungai Klang, terutama sekitar Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat. Tebing sungai turut diperkukuh menggunakan konkrit dan ia dikatakan berupaya menampung aliran banjir dan kapasiti Sungai Klang di Jalan Melaka, Jalan Dang Wangi dan Jalan Perak.

Selain itu, sebanyak RM2 bilion dibelanjakan bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur, termasuk projek Pengurusan Banjir dan Perparitan Bawah Tanah (Smart).

Sistem yang dimulakan awal tahun ini dan dijangka berakhir 2005 akan melencongkan air hujan dari hulu Sungai Klang bagi mengawal dan mengurangkan aliran daripada memasuki aliran asal di pusat bandar di harap dapat mengurangkan impak hujan yang turun terlalu banyak dan lama.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan projek mencegah banjir di Kuala Lumpur bagi mengelak banjir kilat di ibu kota terus berulang.

Malah, Perdana Menteri berkata, kerja membina terowong berhampiran Lapangan Terbang Sungai Besi sudah pun dimulakan dan rancangan jangka panjang juga diperlukan bagi menangani masalah itu.

"Kita tahu masalahnya (banjir kilat) dan kita mesti belanja wang yang banyak untuk gali sungai (bagi mendalamkan). Kita juga nak buat terowong untuk mengalirkan air dengan cepat dari kawasan banjir," katanya.

Justeru, adalah menjadi harapan warga kota supaya masalah banjir yang menghantui mereka sejak sekian lama dapat dikurangkan jika pun tidak diatasi sepenuhnya kerana bencana alam memang sukar diramalkan.

Pada masa sama, jangan ada yang menyalahkan hujan lebat di hulu Sungai Gombak dan Sungai Klang menyebabkan air melimpah mengejut sehingga menyebabkan banjir. Yang lebih penting adalah perancangan dan pelaksanaan

kaedah paling berkesan mengatasinya walaupun mungkin membabitkan kos berbilion ringgit.

Ini kerana banjir di Lembah Klang berbeza dengan di Pantai Timur atau utara Semenanjung yang dipengaruhi perubahan monsun. Lembah Klang boleh dilanda banjir pada bila-bila masa tanpa menunggu musim tengkujuh.

Banjir kilat di Kuala Lumpur pada umumnya disebabkan air larian hujan yang banyak dan cepat, yang tidak dapat ditampung oleh sistem saluran, termasuk longkang dan sungai.

Sistem perparitan kurang sempurna kerana dipenuhi sampah sarap dan sisa konkrit memburukkan keadaan apabila aliran air tersekat dan melimpah sehingga menenggelamkan kawasan sekitarnya.

Perancangan dan sistem reka bentuk bandar yang tidak teratur turut dikatakan punca banjir di Kuala Lumpur. Keadaan ini tidak banyak boleh diubah kerana pembangunan pesat dan padat Kuala Lumpur sukar untuk distruktur.

Kekerapan banjir kilat yang berlaku sebenarnya mendatangkan kerugian yang bukan sedikit. Bukan saja harta persendirian menjadi mangsa, bangunan komersial turut terbabit.

Pada 29 Oktober 2001, banjir kilat menenggelamkan kebanyakan kawasan di bandaraya selepas hujan lebat kurang daripada dua jam. Banjir kilat pada 26 April 2001 pula menyaksikan dua korban, selain dua cedera akibat terkena kejutan elektrik.

Banjir yang dianggap paling buruk selepas banjir besar tahun 1971 itu juga menyebabkan beberapa bangunan dinaiki air dengan sesetengah kawasan dinaiki air setinggi tiga meter.

Persoalan sama ada banjir Rabu lalu lebih besar daripada banjir sebelumnya tidak sepatutnya menjadi tajuk perbincangan, sebaliknya yang menjadi tanda tanya ialah kenapa banjir besar masih berlaku walaupun pelbagai projek tebatan banjir dilaksanakan kerajaan.

Kerajaan pusat sudah memperuntukkan sehingga RM614 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) untuk kerja tebatan banjir di sekitar Lembah Klang pada 2001.

Belanjawan sebesar itu dikatakan untuk membiayai program tebatan banjir yang membabitkan Sungai Klang, terutama sekitar Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat. Tebing sungai turut diperkukuh menggunakan konkrit dan ia dikatakan berupaya menampung aliran banjir dan kapasiti Sungai Klang di Jalan Melaka, Jalan Dang Wangi dan Jalan Perak.

Selain itu, sebanyak RM2 bilion dibelanjakan bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur, termasuk projek Pengurusan Banjir dan Perparitan Bawah Tanah (Smart).

Sistem yang dimulakan awal tahun ini dan dijangka berakhir 2005 akan melencongkan air hujan dari hulu Sungai Klang bagi mengawal dan mengurangkan aliran daripada memasuki aliran asal di pusat bandar di harap dapat mengurangkan impak hujan yang turun terlalu banyak dan lama.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan projek mencegah banjir di Kuala Lumpur bagi mengelak banjir kilat di ibu kota terus berulang.

Malah, Perdana Menteri berkata, kerja membina terowong pintar berhampiran Lapangan Terbang Sungai Besi sudah pun dimulakan dan

rancangan

jangka panjang juga diperlukan bagi menangani masalah itu.

"Kita tahu masalahnya (banjir kilat) dan kita mesti belanja wang yang banyak untuk gali sungai (bagi mendalamkan). Kita juga nak buat terowong untuk mengalirkan air dengan cepat dari kawasan banjir," katanya.

Justeru, adalah menjadi harapan warga kota supaya masalah banjir yang menghantui mereka sejak sekian lama dapat dikurangkan jika pun tidak diatasi sepenuhnya kerana bencana alam memang sukar diramalkan.

Pada masa sama, jangan ada yang menyalahkan hujan lebat di hulu Sungai Gombak dan Sungai Klang menyebabkan air melimpah mengejut sehingga menyebabkan banjir.